

18 NOV 1999

MAHATHIR TERIMA KEPUTUSAN LIM UNTUK BERSARA

PUTRAJAYA, 18 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata keputusan Menteri Sumber Manusia Datuk Lim Ah Lek untuk tidak mahu lagi aktif dalam politik perlu diterima.

"Jika itu keputusan beliau, kita menghormati hasratnya. Kita tidak mahu memaksa orang," katanya kepada para editor tempatan di pejabatnya di sini hari ini.

Lim, 56, yang juga timbalan presiden MCA mengumumkan semalam bahawa beliau tidak akan mempertahankan kerusi Parlimen Bentong pada pilihan raya umum 29 Nov.

Katanya beliau telah menulis kepada perdana menteri mengenai hasratnya untuk bersara selepas 25 tahun dalam politik untuk menumpukan lebih masa dengan keluarganya.

Dr Mahathir berkata Lim telah memberikan khidmat yang baik kepada kerajaan.

Lim telah menjadi anggota exco Pahang selama 15 tahun dan menjadi menteri selama 10 tahun.

"Jika beliau merasakan sudah tiba masanya bagi beliau bersara, kita patut menerimanya," katanya perdana menteri.

-- BERNAMA

MOK RON